

28 MAR 2002

BAE SYSTEMS-PAMERAN/I

BAE SYSTEMS TERUS MAINKAN PERANAN UTAMA DALAM PERKONGSIAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Ikatan perkongsian dan strategik adalah masa depan industri aeroangkasa dan pertahanan global dalam tempoh menjelang Pameran dan Persidangan Defence Services Asia 2002 (DSA 2002) Ke-8 di Pusat Pameran Antarabangsa Mines dari 8 hingga 11 April depan.

Naib pengerusi BAE SYSTEMS Charles Masefield berkata di dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini bahawa kehadiran syarikat itu pada DSA 2002 menunjukkan komitmen berterusannya kepada melabur dalam perkongsian pada tahap taktikal dan strategik di Malaysia.

"BAE SYSTEMS sedang merancang untuk mengadakan lebih banyak pakej kerja aeroangkasa dengan syarikat-syarikat Malaysia di masa terdekat," tambahnya.

"Pakej-pakej itu akan membabitkan reka bentuk tahap tinggi dan pemindahan teknologi ke atas rangkaian pemasangan kecil pesawat Airbus.

BAE SYSTEMS kini memiliki 20 peratus kepentingan di dalam Airbus Company.

Katanya ia sudah diperakui kerana membawa program-program perkongsian nilai ditambah ke Malaysia dengan syarikat-syarikat pertahanan dan aeroangkasa tempatan seperti CTRM Sdn Bhd, SME (A) dan agensi reka bentuk aeroangkasa, Exceinet.

Semasa pameran udara Langkawi tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad menyebut BAE SYSTEMS sebagai contoh utama bagaimana perkongsian antarabangsa patut bermatlamat untuk berniaga di Malaysia.

BAE SYSTEMS adalah antara lebih daripada 500 pemamer dari 40 negara yang mengambil bahagian di dalam DSA 2002.

DSA 2002, pameran dan persidangan tiga perkhidmatan yang kedua terbesar dunia dianjurkan oleh DSA Exhibition and Conference Sdn Bhd.

Persidangan seharusnya mengenai "Revolusi dalam Hal Ehwal Kententeraan" pada 8 April dijangka menarik pegawai-pegawai kana pertahanan dan keselamatan dari rantau ini. -- BERNAMA

LIB KTC OS